



April
2016

Undang-undang pembalakan haram Australia – Maklumat untuk syarikat yang mengeksport ke Australia

LEMBARAN FAKTA 1.4



Undang-undang baru dan tanggungjawab baru

Australia mengadakan undang-undang untuk mencegah pembalakan haram dan menyokong perdagangan antarabangsa balak dan hasil kayu-kayan yang diambil secara sah.

Menurut undang-undang ini, perbuatan mengimport ke Australia balak atau hasil kayu-kayan yang telah diambil secara haram di negaranya yang asal adalah suatu kesalahan.

Perdagangan balak yang diambil secara haram akan merugikan perniagaan yang sah, meninggalkan kesan yang negatif terhadap masyarakat dan alam sekitar, menurunkan harga pasaran serta mengancam pelaburan tempatan, keuntungan dan pekerjaan.

Perubahan bagi syarikat-syarikat di Australia

Syarikat yang mengimport kayu, pulpa atau barangan kertas ke Australia kini dikehendaki melakukan proses menyelidik latar belakang produk itu. Ini bermaksud mengutip maklumat dan menilai risiko bahawa kayu yang digunakan pada produk ini telah diambil secara sah. Kecuali risikonya rendah, syarikat-syarikat juga perlu mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengurangkan risiko itu. Undang-undang ini turut merangkumi pemproses balak mentah yang diambil di Australia.

Maksud undang-undang ini bagi anda

Undang-undang ini tidak mengawal atur rakan-rakan kongsi perdagangan di Australia tetapi hanya mengenakan syarat terhadap syarikat yang mengimport ke Australia dan cuba mengurangkan risiko balak yang diambil secara haram itu dijual di pasaran Australia.

Walau bagaimanapun, jika anda membekalkan kayu, pulpa atau barangan kertas kepada klien di Australia, anda mungkin diminta memberikan maklumat tambahan tentang produk anda itu. Ini mungkin merangkumi maklumat tentang kandungan kayu di dalam produk tersebut, tempat kayu itu diambil dan dokumentasi lain yang boleh membuktikan kesahihannya.

Maklumat ini akan dapat menolong syarikat-syarikat di Australia menilai risiko bahawa produk ini menggunakan kayu yang telah dibalak secara haram dan membimbing mereka membeli dengan bijak.

Perkara-perkara penting

- Undang-undang pembalakan haram Australia menyokong perdagangan balak yang telah diambil secara sah.
- Undang-undang ini adalah sebahagian daripada usaha global yang bertujuan menghentikan kesan pembalakan haram ini terhadap ekonomi, masyarakat dan alam sekitar.
- Rakan-rakan kongsi perdagangan di Australia tidak dikawal atur secara langsung oleh undang-undang pembalakan haram Australia. Walau bagaimanapun, jika anda mengeksport barangan kayu ke Australia, anda mungkin diminta memberikan maklumat tambahan tentang produk anda itu.
- Maklumat yang anda berikan itu dapat menolong syarikat-syarikat di Australia memenuhi syarat menyelidik sama ada sesuatu produk itu telah diambil secara sah, iaitu dengan cara menilai risiko bahawa produk ini menggunakan kayu yang dibalak secara haram.
- Pembalakan haram ialah pengambilan balak dengan cara yang melanggar undang-undang negara di tempat balak itu diambil.
- Maklumat selanjutnya boleh didapati pada laman web kami, iaitu di agriculture.gov.au/illegallogging Anda juga boleh memohon bantuan secara e-mel melalui alamat illegallogging@agriculture.gov.au, ataupun melalui talian telefon 1800 657 313 atau jika anda menelefon dari luar Australia, melalui talian +61 2 6272 3933.



Ikuti perkembangannya

Laman web kami tentang pembalakan haram menyediakan pelbagai maklumat dan panduan: agriculture.gov.au/illegallogging



Definisi 'dibalak secara haram'

Mengikut undang-undang Australia, kayu yang dibalak secara haram bermaksud kayu yang diambil dengan cara yang melanggar undang-undang yang berkuat kuasa di tempat kayu itu diambil. Ini merangkumi kayu yang diambil secara haram di luar negeri ataupun di Australia.

Maklumat selanjutnya

Kerajaan Australia sedang berusaha seiring dengan kerajaan-kerajaan yang berkenaan untuk menyusun beberapa Garis Panduan Yang Khusus Bagi Setiap Negara. Ini menyediakan maklumat tambahan untuk pengimport tentang undang-undang pembalakan yang dikenakan oleh rakan-rakan kongsi perdagangan kita yang utama, dan mungkin membantu semasa melakukan proses menyelidik sama ada produk telah diambil secara sah. Garis panduan yang muktamad boleh didapati pada laman web jabatan ini, iaitu di agriculture.gov.au/illegallogging.

Tindakan oleh negara-negara lain terhadap pembalakan haram

Australia adalah sebahagian daripada usaha global yang bertujuan menghentikan kesan pembalakan haram terhadap ekonomi, masyarakat dan alam sekitar. Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah mengambil langkah yang serupa dengan undang-undang pembalakan haram Australia. Negara-negara lain juga sedang melaksanakan kawalan import yang serupa.



illegallogging@agriculture.gov.au



agriculture.gov.au/illegallogging